

BAH

Mahathir - Kemahiran (Bergambar)

PEKERJA MAHIR MALAYSIA PERLU BERCIPTA-CITA MENJADI JUARA DUNIA

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa para pekerja mahir di negara ini agar sentiasa mengasah bakat mereka supaya dapat menjadi juara dunia dalam bidang kemahiran.

Katanya, kedudukan Malaysia di tempat ke-16 daripada 24 buah negara yang mengambil bahagian dalam Olimpik Kemahiran Belia Antarabangsa di Taipei, Taiwan Julai lepas membuktikan para pekerja mahir negara mampu menandingi pekerja mahir beberapa negara maju yang lain.

Pada pertandingan itu, yang pertama kali disertai Malaysia, tiga peserta Malaysia berupaya menduduki kedudukan yang lebih tinggi daripada peserta dari Kanada, Finland, New Zealand, Thailand, Afrika Selatan dan Portugal selain menduduki satu tangga lebih rendah daripada peserta Amerika Syarikat.

Ketika berucap pada majlis penyampaian anugerah "tangan Emas Johan Kemahiran Kebangsaan 1993, di sini, Perdana Menteri berkata, beliau yakin para pekerja mahir negara tidak akan menghampakan harapan itu.

Beliau juga menasihati mereka yang kalah dalam pertandingan kemahiran kebangsaan itu tidak berputus asa dan sentiasa berusaha memperbaiki kemahiran mereka.

"Dalam memastikan sesuatu kecekapan itu mencapai tahap yang lebih baik adalah penting ia dilakukan berulang kali," kata Perdana Menteri.

lagipun, katanya, dalam usaha negara mencapai taraf negara maju semua pihak perlu kecekapan dan kemahiran dalam menjalankan tugas harian mereka, baik sebagai peniaga, pentadbir atau pekerja biasa. -- lagi.

Mahathir - Kemahiran 2 Kuala Lumpur

Sebelum itu, Timbalan Menteri Kerja Raya Encik Kerk Choo Ting, selaku pengerusi jawatankuasa kejohanan itu berkata, Malaysia telah dipelawa Program Pembangunan Kemahiran Asia dan Pasifik untuk menganjurkan Pertandingan Kemahiran Asean yang pertama pada tahun 1995 di sini.

Keputusan mempelawa Malaysia menjadi penganjur ialah kerana kejayaan negara mengendalikan pertandingan kemahiran selama empat tahun berturut-turut, katanya.

Selain itu, Malaysia juga telah dijemput untuk menjadi ahli Olimpik Kemahiran Belia Antarabangsa pada tahun ini di atas usaha negara mempertingkatkan kemahiran pekerjaannya melalui pertandingan, tambahnya.

Beliau berkata, pertandingan kemahiran kebangsaan pada tahun ini telah menarik lebih ramai peserta dengan 771 peserta menyertai bahagian kategori terbuka pertandingan itu berbanding dengan 452 peserta pada 1991.

Kerk berkata, peningkatan kemahiran teknikal amat diperlukan bagi negara ini dan antara proses yang boleh dilakukan ialah dengan meningkatkan jumlah pekerja yang terlatih dengan kemahiran teknikal. -- lagi.

▼16/08/20-09MSF

U GB 16-08 00225 BH552

BAH

Mahathir - Kemahiran 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Kerk berkata, selain itu, pendekatan mengkaji semula sistem pendidikan dan latihan teknikal di Malaysia dengan membuat perbandingan dengan sistem pendidikan dan latihan di negara maju seperti Jerman, Jepun dan Taiwan.

Katanya, kebanyakan negara itu memberi penekanan yang lebih kepada jurusan pendidikan dan latihan vokasional dan teknikal daripada pendidikan akademik.

"Sebagai perbandingan, pada tahun lepas Taiwan yang mempunyai penduduk yang lebih kurang sama dengan Malaysia mempunyai 850,000 pelajar dalam jurusan vokasional dan teknikal dengan setengah juta di sekolah menengah vokasional dan 350,000 di kolej teknikal," katanya.

Manakala di Malaysia hanya terdapat 80,000 pelajar dalam jurusan itu dengan 33,000 di institutsi vokasional dan teknikal dan 47,000 di kolej dan politeknik, katanya.

Pertandingan itu yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu terbuka dan belia meliputi 14 bidang kemahiran iaitu penerap bata, tukang paip, tukang kayu dan tanggam, pembuat perabot, tukang plaster, pemasangan jubin, juruelektrik, mekanik radio dan televisyen, mekanik peralatan elektronik industri, tukang kimpal arca, mekanik am jurugegas, pemasin am, mekanik kenderaan motor dan pembuat pakaian wanita.

Selain itu acara berpasukan pula dalam bidang mekanik kenderaan motor dan kemahiran binaan.

Dalam acara berpasukan Syarikat Cycle and Carriage Bintang Berhad memenangi kategori mekanik kenderaan motor dan Syarikat Siah Brothers Trading Sdn Bhd dalam bidang binaan. -- Bernama.

HK KAM.